

SH 27/7/2021 ms: 25

## Turtle Watch Malaysia pantau jualan telur penyu dalam talian

**KUALA TERENGGANU** - Trend jualan telur penyu secara dalam talian yang dikesan semakin meningkat sejak Mei 2020 mendorong sekumpulan aktivis menubuhkan *cyber trooper* di media sosial dikenali sebagai Turtle Watch Malaysia.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Uzair Rusli yang merupakan seorang daripada aktivis itu berkata, penubuhan kumpulan pemantau tersebut membolehkan perkongsian maklumat orang awam yang prihatin mengenai aktiviti penjualan telur penyu dalam talian.

Beliau berkata, ketika ini Turtle Watch Malaysia sudah berjaya mengumpul hampir 1,000 orang yang menjadi mata



**MOHD UZAIR**

-mata kepada aktiviti jualan telur penyu dalam talian dan semua aktiviti itu telah dilaporkan kepada Jabatan Perikanan untuk siasatan lanjut.

“Penjualan telur penyu secara terbuka dilihat tidak menghormati usaha konservasi penyu yang dilakukan pelbagai pihak ketika ini,” katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Mohd Uzair berkata, trend menjual telur penyu secara dalam talian semakin meningkat sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan Mac tahun lepas.

“Paling banyak pernah dikesan ialah jualan 600 biji telur penyu dari Pulau Redang yang dianggarkan bernilai RM3,000.

“Selain itu ada aktiviti jualan yang menawarkan khidmat penghantaran ke beberapa daerah di Terengganu,” katanya. - *Bernama*